Ciri-ciri Dana Kemudahan Teknologi Tinggi – Aspirasi Pelaburan Nasional (HTF-NIA) BNM

Ciri-ciri	Keterangan
Peruntukan	RM1 bilion
Tujuan	Membantu PKS berteknologi tinggi dan berorientasikan inovasi yang terjejas, yang paling sejajar dengan matlamat yang ingin dicapai dalam pembangunan jangka panjang strategik kebangsaan seperti yang termaktub dalam NIA*. Langkah ini penting bagi memperkukuh kedudukan daya saing Malaysia dalam rantaian nilai global, memelihara ekosistem rantaian penawaran dan melindungi pekerjaan berkemahiran tinggi.
Eligibility	PKS** Malaysia yang berdaya maju dalam subsektor yang berikut: Dalam subsektor perkilangan dan perkhidmatan yang mempunyai skor yang tinggi dalam Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA): i. Keluaran Elektrik and Elektronik (E&E); ii. Bahan kimia (termasuk farmaseutikal dan petroleum bertapis); iii. Peralatan Optikal & Saintifik dan Peralatan Perubatan; iv. Jentera dan Peralatan (termasuk Robotik, Dron, dan Industri Teknologi 4.0); v. Kelengkapan pengangkutan meliputi aeroangkasa; pengilang kenderaan dan komponen yang terlibat dalam rantaian penawaran global atau peralihan ke arah mobiliti masa depan dan teknologi hijau; vi. Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT); dan vii. Khidmat Penyelidikan dan Pembangunan (R&D). **ATAU** PKS yang terlibat dalam program inovasi yang sedang dijalankan oleh Kerajaan dalam pelbagai teknologi penting, daripada tahap menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D), penciptaan bersama teknologi sehingga pelesenan teknologi untuk tujuan pembangunan. Hal ini juga termasuk permulaan teknologi peringkat akhir*** (*late stage tech-start-ups*) di bawah program Kerajaan yang membangunkan teknologi penting dan bersedia untuk beralih kepada pembiayaan berasaskan bank. Sebagai permulaan, berikut adalah senarai program yang dikenal pasti: ➢ Rangkaian Percepatan dan Inovasi Global MDEC (MDEC's Global Acceleration and Innovation Network, GAIN) ➢ Sandbox Inovasi dan Teknologi Nasional MOSTI (MOSTI's National Tehnology and Innovation Sandbox, NTIS) serta Dana Penyelidikan dan Pembangunan; dan ➢ Rakan Teknologi MARii yang terlibat dalam mereka bentuk dan membangunkan penyelesaian berkaitan teknologi IR4.0 Semua program yang layak akan dikemas kini secara berkala di www.gov.my/covid19

* Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA) merujuk objektif pembangunan strategik yang menyeluruh untuk meningkatkan tahal kompleksiti ekonomi, mewujudkan pekerjaan bernilai tinggi dan meluaskan rangkaian industri dalam negeri serta membangunkan kluster baharu dan yang sedia ada.

**Berdasarkan definisi PKS yang diluluskan oleh Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (National Entrepreneur and SME Development Council, NESDC) dengan pegangan saham sekurang-kurangnya 51% oleh warganegara Malaysia.

***Firma-firma ini telah mewujudkan aliran pendapatan dan produk komersial dengan pelanggan yang sedia membayar.

Ciri-ciri	Keterangan
	Nota: Penerima Kemudahan Bantuan Khas (Special Relief Facility, SRF), Pembiayaan PKS PENJANA (PENJANA SME Financing, PSF) dan/ atau Pembiayaan Pelancongan PENJANA (PENJANA Tourism Financing,PTF) layak untuk memohon HTF-NIA, untuk tujuan pembiayaan perbelanjaan modal sahaja.
Tujuan	• Perbelanjaan modal; atau/dan • Modal kerja
Kadar faedah Pembiayaan	• Sehingga 3.50% setahun, untuk pembiayaan tanpa jaminan; atau • Sehingga 5.00% setahun, termasuk sebarang fi jaminan
Amaun pembiayaan maksimum	• RM1 juta bagi setiap PKS untuk modal kerja; atau • RM5 juta bagi setipa PKS untuk perbelanjaan modal atau kombinasi modal kerja dan perbelanjaan modal
Tempoh maksimum	7 tahun
Tempoh Permohonan	15 Disember 2020 sehingga 31 Disember 2021 setelah peruntukan digunakan sepenuhnya (mana yang lebih awal).